

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR BILANGAN 1/2025

GARIS PANDUAN PERMIT PENGEKSPORTAN BAHAN BATUAN NEGERI SELANGOR

1. TUJUAN

1.1 Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua pemohon berkenaan dengan Garis Panduan Permit Pengeksportan Bahan Batuan Negeri Selangor (PEBBNS).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1 Tahun 2001 berkaitan Pengeksportan Pasir Ke Luar Negara masih berkuat kuasa merujuk kepada keputusan oleh Jemaah Menteri pada 23 Februari 2000 yang telah memutuskan supaya tidak ada lesen baru dikeluarkan untuk mengambil dan mengalihkan pasir bagi tujuan eksport ke Singapura yang juga masih berkuat kuasa.

2.2 Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) telah mengeluarkan Pekeliling Pengarah PTGS Bilangan 5 Tahun 2020 berkenaan Garis Panduan Pengeksportan Sumber Bahan Batuan dan Bijih Mineral Negeri Selangor yang bertarikh 25 November 2020.

2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Penyeragaman dan Pemantauan Berkaitan Bahan Batuan dan Mineral Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2024 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 22 April 2024 telah menimbang dan **bersetuju** dengan beberapa cadangan pindaan pada Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor Bilangan 5 Tahun 2020 ini.

2.4 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 33/2024 cabutan kertas MMKN bertarikh 28 November 2024 kertas ringkasan MMK. No. 42/33/2024 yang telah disahkan oleh MMKN ke 34/2024 pada 6 Disember 2024.

3. ASAS PERTIMBANGAN

3.1 Penambahbaikan pada pekeliling ini adalah akan dikenakan pada caj kadar fi bagi :

3.1.1 Permohonan Eksport

3.1.2 Pengeluaran Permit Eksport


4. KAEDAH DAN PELAKSANAAN

4.1 Pentadbiran dan Pengurusan Berkaitan PEBBNS seperti di ***Lampiran A.***

- 4.2 Borang Permohonan dan Senarai Semak PEBBNS seperti di ***Lampiran B.***
- 4.3 Carta alir proses permohonan PEBBNS adalah seperti di ***Lampiran C.***
- 4.4 PEBBNS adalah seperti di ***Lampiran D.***
- 4.5 Kadar Fi Royalti Eksport Bahan Batuan PEBBNS adalah seperti di ***Lampiran E.***

5. TARIKH BERKUAT KUASA

- 5.1 Surat kelulusan **sedia ada dikira terbatal** sehingga permohonan PEBBNS dikeluarkan mengikut tarikh tamat tempoh pada surat kelulusan tersebut berkuat kuasa.
- 5.2 Pekeliling Pengarah PTGS Bilangan 5 Tahun 2020 adalah **dibatalkan.**
- 5.3 Pekeliling Pengarah PTGS ini berkuat kuasa dan digunakan **serta merta** bermula pada tarikh pekeliing ini dikeluarkan.



(DATO DR. YUSRI BIN ZAKARIAH)D.S.I.S.,S.M.S.
Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor

Bertarikh: *17 Mar 2025*

**PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN BERKAITAN PERMIT EKSPORT BAHAN
BATUAN NEGERI SELANGOR (PEBBNS)**

1. Penetapan mengikut Kategori Permohonan Yang Sah Dibenarkan

1.1 Kebenaran pengeksportan sumber bahan batuan hanya **dibenarkan** kepada Individu atau Syarikat yang mempunyai:

a) **Permit Pengeluaran Bahan Batuan Terkini**

- i. Permit 4Be bagi Tanah Kerajaan
- ii. Permit 4Ce bagi Tanah Hakmilik

b) **Pemborong / pihak kedua (*trader*)** yang mendapatkan sumber bahan batuan daripada kawasan Permit 4Be/4Ce yang sah juga dibenarkan.

2. Proses Permohonan Permit Eksport

2.1 Pemohon hendaklah mengemukakan maklumat dibawah untuk pendaftaran **ID Permohonan** ke Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah, Unit Batuan dan Mineral, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) untuk membenarkan pemohon melayari dan log masuk ke dalam sistem Smart Docket Negeri Selangor (SDNS).

- a) Salinan Kad Pengenalan
- b) Surat Wakil Kuasa Syarikat
- c) Maklumat Email
- d) Nombor Telefon

2.2 Pemohon hendaklah **login masuk** dan **melengkapkan** borang permohonan dan senarai semak PEBBNS seperti di dalam **sistem atas talian (*online*) SDNS** untuk direkodkan di dalam sistem dan fail.

2.3 Setiap permohonan akan dikenakan **kadar fi permohonan** sebanyak **RM 500.00** setiap permohonan.

- 2.4 PTGS akan menyediakan **surat arahan keterangan pembayaran** bagi setiap permohonan dan pemohon perlu mengemukakan dokumen-dokumen fizikal seperti senarai semak di **Lampiran B** pada borang permohonan.
- 2.5 Pembayaran permohonan hendaklah dibuat di atas nama **Bendahari Negeri Selangor** dalam bentuk **wang tunai, bank draf, debit kad dan kredit kad** kepada kaunter pembayaran PTGS. Nombor rujukan resit dan tarikh pembayaran akan disemak dan dikemaskini ke dalam sistem SDNS.
- 2.6 PTGS akan **menyemak** permohonan PEBBNS dan senarai semak seperti di **Lampiran B** yang dikemukakan melalui **sistem atas talian SDNS**.
- 2.7 PTGS hendaklah mendapatkan surat ulasan **kelulusan** dan **pengesahan** oleh **Jabatan Mineral Geosains (JMG) Selangor** terlebih dahulu bagi menentukan bahan yang hendak dieksport sama ada bahan batuan atau bahan mineral yang akan dikemaskini ke dalam SDNS.
- 2.8 **Ketua Penolong Pengarah (KPP)** Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah PTGS akan menyediakan **ulasan permohonan** melalui sistem SDNS.
- 2.9 **Timbalan Pengarah PTGS (Pengurusan)** akan menyediakan **syor permohonan sebelum** mendapatkan **pertimbangan dan pengesahan** daripada **Pengarah PTGS** melalui sistem SDNS.
- 2.10 Keputusan permohonan **lulus** atau **tolak** akan dimaklumkan melalui **email dan surat** oleh PTGS kepada pemohon.
- 2.11 Jika permohonan diluluskan, maka pemohon akan dikenakan **kadar fi pengeluaran** sejumlah **RM 1,000.00 per permit**. Satu (1) PEBBNS per satu (1) nama pelanggan dan (1) jenis bahan batuan sahaja dibenarkan.
- 2.12 Jika terdapat permohonan **penambahan pelanggan, penambahan bahan batuan, penambahan kuantiti eksport** hendaklah dikemukakan sebagai **permohonan yang baru**.
- 2.13 Setiap kelulusan PEBBNS akan diberikan bagi suatu tempoh **satu (1) tahun** sahaja. Pihak PTGS boleh mengenakan apa-apa syarat dan keperluan tambahan dari masa ke semasa.

3. Pengeanaan Kadar Fi Royalti Eksport Bahan Batuan

- 3.1 PTGS akan mengenakan bayaran fi royalti PEBBNS seperti di **Lampiran E** melalui keterangan pembayaran kadar fi royalti eksport dan pemegang PEBBNS perlu mengemukakan kepada Bahagian Hasil PTGS melalui Kaunter Pembayaran.
- 3.2 Pembayaran fi royalti eksport hendaklah dibuat di atas nama **Bendahari Negeri Selangor** dalam bentuk **wang tunai, bank draf, debit kad dan kredit kad** kepada kaunter pembayaran PTGS.
- 3.3 Nombor rujukan resit dan tarikh pembayaran akan disemak dan dikemaskini ke dalam sistem Smart Docket Negeri Selangor setelah selesai pemegang PEBBNS menyelesaikan pembayaran yang ditetapkan.
- 3.4 Pemegang PEBBNS hendaklah menjelaskan bayaran fi royalti pengeluaran eksport berdasarkan laporan jumlah isipadu bahan dieksport pada timbangan **Smart Docket** dan **Borang Kastam No.2 (K2)**.
- 3.5 Jika terdapat **perbezaan** laporan isipadu bahan dieksport antara pemohon dengan timbangan Smart Docket maka PTGS berhak membuat pengiraan semula sebelum dikenakan apa-apa ketetapan jumlah bayaran fi royalti eksport.
- 3.6 Kadar fi royalti eksport ini adalah **tidak termasuk royalti** yang telah **dibayar kepada PDT** yang mana ianya hanya untuk **penjualan tempatan** sahaja.
- 3.7 Jika fi royalti eksport berlaku **kelewatan pembayaran** maka PTGS berhak mengeluarkan apa-apa surat arahan pentadbiran untuk memberhentikan tugas (*stop work order*) dan permohonan permit eskport bagi pengeksportan seterusnya sehingga pembayaran penuh diselesaikan.
- 3.8 Jika terdapat **baki kelulusan eskport** dan **tiada pengeksportan dijalankan** pada jumlah kuantiti tersebut sehingga tamatnya PEBBNS itu, maka semua kuantiti baki yang tinggal adalah dikira **terbatal**.

4. Kawalan dan Pemantauan Pengeluaran Eksport Bahan Batuan

- 4.1 Setiap pengeluaran eksport hendaklah menggunakan **doket (permit pengeluaran bahan batuan)** yang dicetak melalui sistem SDNS yang mempunyai “*watermark*” **EKSPORT** dan setiap doket hanya dibenarkan penggunaannya setiap **sekali penghantaran eksport sahaja daripada permit 4Be / 4Ce yang sah sahaja** ini bagi tujuan pengawalan dan pemantauan pengeluaran.
- 4.2 Sekiranya sistem SDNS mengalami **masalah kerosakan teknikal**, maka penggunaan **doket manual** adalah **dibenarkan** sehingga sistem SDNS kembali berfungsi dan hendaklah **dicatatkan** dan **dikemaskini** semula maklumat eksport tersebut ke dalam sistem SDNS.
- 4.3 Pemohon perlu menyatakan **kawasan pengumpulan stok (stockpiles)** bahan batuan yang hendak dieksport di kawasan **pelabuhan / jeti berdaftar yang sah di dalam Negeri Selangor** sahaja bagi memudahkan Bahagian Penguatkuasaan PTGS menyemak **kesahihan sumber ini** dengan menjalankan pemantauan, pengawalan dan pengesahan jumlah sumber yang dieksport.
- 4.4 Bagi kategori **pemborong / pihak kedua (trader)** hendaklah mendapatkan sumber yang memiliki permit 4Be / 4Ce yang sah sahaja dan kawasan permit 4Be / 4Ce tersebut hendaklah **menggunakan kelulusan PEBBNS yang masih sah** bagi mengaktifkan sistem SDNS, ini adalah bagi tujuan pengawalan dan pemantauan pengeluaran pengeksportan.
- 4.5 Pemegang PEBBNS hendaklah memaklumkan terlebih dahulu kepada PTGS melalui **surat pemakluman setiap pengeksportan** berkenaan **tarikh** dan **jumlah** yang hendak dieksport.
- 4.6 **Laporan penghasilan** dan **pengeluaran** yang disahkan hendaklah dikemukakan kepada PTGS **setiap bulan walaupun tiada pengeksportan**, ini adalah bertujuan pemantauan dan pengenaan fi royalti eksport tersebut.
- 4.7 Jika terdapat **sumber bahan lain** daripada bahan dieksport yang bernilai kepada Kerajaan Negeri mengikut Laporan Sijil Analisis Bahan, maka PTGS berhak mengutip dan menuntut royalti tersebut dan pemohon perlu mengemukakan permohonan eksport yang berasingan.

- 4.8** Setiap kelulusan permit PEBBNS yang diberikan hanya **membenarkan** pengeluaran dan penjualan pengeksportan bahan batuan hendaklah melalui kawasan **pelabuhan / jeti berdaftar yang sah di dalam Negeri Selangor** sahaja. Ini adalah bagi **mengelakkan ketirisan, pemantauan dan pengawalan** kepada sumber hasil negeri dieksport ke negeri-negeri lain.
- 4.9** Pengeksportan sumber **bahan batuan (pasir) tidak boleh / tidak dibenarkan** dieksport ke Negara Singapura selaras dengan **Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2001** serta keputusan **Jemaah Menteri** pada **23 Februari 2000** yang masih berkuatkuasa.

**BORANG PERMOHONAN
PERMIT EKSPORT BAHAN BATUAN NEGERI SELANGOR (PEBBNS)**

Fi Permohonan : RM 500.00

BUTIRAN PEMOHON / SYARIKAT

Pemegang Permit 4Be Pemegang Permit 4Ce Pemborong / Pihak Kedua (*Trader*)

Nama Syarikat PEBBNS : _____

No. Syarikat PEBBNS : _____

Alamat Syarikat PEBBNS : _____

Alamat Email Syarikat PEBBNS : _____

Nama Pegawai *Person In Charge (PIC)* : _____

No. Telefon Untuk Dihubungi : _____

MAKLUMAT TANAH KAWASAN OPERASI / STOCKPILE (PELABUHAN / JETI BERDAFTAR DI SELANGOR)

Tanah Kerajaan Tanah Hakmilik

No. Hakmilik : _____ No. Lot / PT : _____ Tempat / Lokasi : _____

Mukim : _____ Daerah : _____

MAKLUMAT TANAH KAWASAN SUMBER SAH

Tanah Kerajaan Tanah Hakmilik

No. Hakmilik : _____ No. Lot / PT : _____ Tempat / Lokasi : _____

Mukim : _____ Daerah : _____

No. Kelulusan Permit 4Be/4Ce Terkini : _____

MAKLUMAT BAHAN BATUAN DAN PELANGAN DIEKSPORT

Jenis Bahan Batuan : _____ Jumlah Kuantiti : _____ metrik tan

Nama Pelanggan : _____

Negara Dieksport : _____ Pesanan Pembelian : _____

* Satu (1) borang permohonan (1) satu pelanggan dan (1) satu jenis bahan batuan sahaja.

PERHATIAN

1. Borang permohonan ini hendaklah dikembalikan kepada Unit Batuan Mineral (UBM) PTGS di aras 4 Bangunan SSAAS **sebelum** membuat permohonan di atas talian melalui sistem Smart Docket Negeri Selangor.
 - a) Surat permohonan daripada pemohon.
 - b) Borang permohonan yang lengkap.
 - c) Senarai semak yang lengkap.
 - d) Maklumat ID Permohonan seperti di perenggan 2.1 (Lampiran A)
2. UBM PTGS akan menyediakan Arahan Pembayaran Fi Permohonan sebanyak **RM500** untuk dijelaskan ke Kaunter Bayaran PTGS di Aras 1 Bangunan SSAAS dan pembayaran hendaklah atas nama **BENDAHARI NEGERI SELANGOR** melalui wang tunai / bank draf / kredit kad / debit kad. Resit pembayaran yang telah selesai hendaklah dikembalikan semula ke UBM PTGS untuk dikemaskini dan disemak.

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PEBBNS

* Segala dokumen hendaklah dalam keadaan tersusun dan *tagging* serta dibukukan.

MAKLUMAT SYARIKAT

Sila kemukakan Salinan **TERKINI / TAHUN SEMASA** sahaja dokumen-dokumen berikut yang telah disahkan (jika ada).

- a) Profil Syarikat
- b) Borang 9 atau Borang E (Kaedah 13) SSM
- c) Borang 24 SSM (Butiran Pemegang Syer)
- d) Borang 44 SSM (Butiran Alamat Didaftarkan)
- e) Borang 49 SSM (Butiran Pengarah / Pegawai)

MAKLUMAT TANAH KAWASAN OPERASI / STOCKPILE (PELABUHAN / JETI BERDAFTAR DI SELANGOR)

Sila kemukakan Salinan **TERKINI / TAHUN SEMASA** sahaja dokumen-dokumen berikut yang telah disahkan.

- a) Maklumat Tanah Kawasan Operasi / Stockpile

--

MAKLUMAT TANAH KAWASAN SUMBER SAH

Sila kemukakan salinan **TERKINI / TAHUN SEMASA** sahaja dokumen-dokumen berikut yang telah disahkan.

- a) Permit 4Be
- b) Permit 4Ce

MAKLUMAT SOKONGAN

Sila kemukakan Salinan **TERKINI / TAHUN SEMASA** sahaja dokumen-dokumen berikut yang telah disahkan.

- a) Salinan Sijil Analisis Bahan - Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Malaysia
- b) Salinan Pesanan Pembelian / Purchase Order / Performa Invoice
- c) Surat Kebenaran Tuan Tanah (jika berkaitan)

PENGESAHAN WAKIL PEMOHON / SYARIKAT


Saya mengesahkan maklumat-maklumat yang diberikan di atas adalah benar sepanjang pengetahuan pihak saya / kami.

.....Tandatangan & Cop Syarikat.....

Nama :

Tarikh :

**CARTA ALIR PERMOHONAN PERMIT EKSPORT
BAHAN BATUAN NEGERI SELANGOR**





PERMIT EKSPORT BAHAN BATUAN NEGERI SELANGOR (PEBBNS)

Fi Pengeluaran Permit Eksport : RM 1,000.00
No. Rujukan Fail :
No. Permit PEBBNS :
Nama Pemegang PEBBNS :
No. Pendaftaran Syarikat PEBBNS :
Alamat Syarikat PEBBNS :
Tempoh Permit PEBBNS :
No. Permit :
4Be / 4Ce Yang Sah dan Terkini
Jenis Bahan Batuan Dieksport :
Kuantiti Pengeluaran :
Metrik Tan (mt)
Status Tanah :
Tanah Kerajaan / Tanah Hakmilik
No. Hakmilik : **No. Lot / PT** :
Mukim : **Daerah** :
Keluasan Tanah : Hektar Ekar
Pelabuhan / Jeti Mengeksport :
Negara Yang Hendak Dieksport :
Nama Pelanggan :
Pesanan Pembelian :

.....
**PENGARAH TANAH DAN GALIAN
 NEGERI SELANGOR**

Tarikh :

TERMA DAN SYARAT PERMIT EKSPORT BAHAN BATUAN NEGERI SELANGOR (PEBBNS)

1. Tempoh Permit Eksport Bahan Batuan Negeri Selangor (PEBBNS) ini adalah **sah sehingga satu (1) tahun** sahaja oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS).
2. Suatu kelulusan PEBBNS ini hendaklah menjadi khas dan eksklusif untuk pemegangnya sahaja dan **tidak boleh dijual / dipajak / diganti usaha / dipindahmilik**.
3. Sekiranya terdapat ulasan / pandangan daripada mana-mana jabatan teknikal berkaitan yang perlu dipatuhi kepada semua syarat yang ditetapkan, maka kelulusan permit eksport ini boleh **ditangguhkan** atau **dibatalkan** mengikut atas budi bicara dan pertimbangan oleh Pengarah PTGS.
4. Pengarah PTGS mempunyai kuasa untuk **menarik semula** atau **membatalkan** terus PEBBNS ini yang dikeluarkan sekiranya pemegang lesen gagal mematuhi syarat-syarat kelulusan lesen.
5. Waktu pengeluaran : hari **Isnin hingga Sabtu** sahaja (**kecuali cuti umum**).
6. Tidak dibenarkan sama sekali **melebihi kawasan** seperti di dalam pelan yang telah diluluskan.
7. Setiap pengeluaran PEBBNS ini hanya menggunakan sistem **Smart Docket Pengeluaran Negeri Selangor** sahaja.
8. Sekiranya sistem Smart Docket Negeri Selangor (SDNS) mengalami **masalah kerosakan teknikal**, maka penggunaan **docket manual** adalah **dibenarkan** sehingga sistem SDNS kembali berfungsi. Jika sistem SDNS kembali berfungsi docket manual tersebut hendaklah **dicatatkan** maklumat dan **dikemaskini** semula maklumat eksport ke dalam sistem SDNS.
9. Setiap pengeluaran eksport bahan batuan ini akan diberikan / dikeluarkan berdasarkan permohonan dan pertimbangan yang dikemukakan kepada PTGS.

10. Aktiviti pengeluaran PEBBNS ini hendaklah dilaksanakan dengan cara yang tidak menyebabkan kerosakan dan permasalahan kepada tanah, harta benda, dan sebagainya.
11. Setiap lori yang membawa muatan bahan batuan yang dieksport hendaklah **berhenti** apabila pemeriksaan sedang dijalankan.
12. Laporan pengeluaran hendaklah disimpan dan dikemukakan kepada pentadbiran ini bagi tujuan pengesahan, penyemakmakan dan perekodan maklumat pengeluaran pada **setiap pengeksportan**.
13. Pemegang PEBBNS hendaklah menjelaskan apa-apa bayaran yang dikemukakan oleh pentadbiran PTGS **semasa** dan **selepas** tamatnya permit eksport ini.
14. Pemegang PEBBNS hendaklah menjelaskan / diwajibkan membayar setiap bayaran **fi royalti** ini pada **setiap pengeksportan** mengikut kadar yang ditetapkan.
15. Pemegang PEBBNS hendaklah menjelaskan fi royalti pengeluaran eksport berdasarkan jumlah pengeluaran yang dieksport sebenar selaras dengan **Borang Kastam No.2 K2** yang dikemukakan. Jika terdapat perbezaan isipadu bahan maka PTGS berhak membuat pengiraan semula.
16. Kadar fi royalti ini **tidak termasuk kadar fi royalti** yang telah dibayar kepada PDT yang mana permit 4C pengeluaran bahan batuan tersebut diluluskan bagi tujuan **penjualan tempatan** sahaja.
17. Jika fi royalti eksport berlaku **kelewatan pembayaran** maka PTGS berhak mengeluarkan surat arahan pentadbiran untuk memberhentikan tugas (pengekportan) sehingga pembayaran diselesaikan.
18. Jika terdapat **baki kelulusan eskport** dan **tiada pengeksportan** dijalankan pada jumlah kuantiti tersebut sehingga tamatnya PEBBNS itu, maka semua kuantiti baki yang tinggal adalah dikira **terbatal**.
19. Jika terdapat permohonan **penambahan pelanggan** dan **kuantiti eksport** hendaklah dikemukakan sebagai **permohonan yang baru**.

20. Jika terdapat **sumber bahan lain** daripada bahan dieksport yang bernilai kepada Kerajaan Negeri mengikut Laporan Sijil Analisis Bahan, maka PTGS berhak mengutip dan menuntut royalti tersebut dan pemegang lesen perlu mengemukakan permohonan kepada PTGS.
21. Setiap kelulusan permit PEBBNS yang diberikan hanya **membenarkan** pengeluaran atau penjualan pengeksportan bahan batuan hendaklah melalui kawasan **pelabuhan di dalam Negeri Selangor** sahaja. Ini adalah bagi **mengelakkan ketirisan, pemantauan dan pengawalan** kepada sumber hasil negeri dieksport ke negeri-negeri lain.
22. Pengeksportan sumber **bahan batuan (pasir) tidak boleh / tidak dibenarkan** dieksport ke Negara Singapura selaras dengan **Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2001** serta keputusan **Jemaah Menteri pada 23 Februari 2000** yang masih berkuatkuasa.
23. **Bahagian Penguatkuasaan PTGS** hendaklah berada di kawasan pelabuhan secara **berjadual penggiliran** sehingga selesai sumber ini dieksport dan **menyemak kesahihan** sumber ini bagi tujuan pemantuan, pengawalan dan pengesahan jumlah dan sumber yang dieksport.
24. Pentadbiran ini berhak mengenakan **apa-apa syarat tambahan** dari masa ke semasa sekiranya perlu.

LAMPIRAN E

Bil.	Jenis Bahan Batuan	Fi Eksport
1.	Earth (tanah biasa)	RM 2.30 / metrik tan (mt)
2.	Laterite (tanah merah biasa)	RM 2.30 / metrik tan (mt)
3.	Loam (lumpur)	RM 2.30 / metrik tan (mt)
4.	Clay (tanah liat biasa)	RM 2.30 / metrik tan (mt)
5.	Sand (pasir biasa)	RM 4.10 / metrik tan (mt)
6.	Coral (karang)	RM 2.30 / metrik tan (mt)
7.	Shell (cengkerang)	RM 2.30 / metrik tan (mt)
8.	Shale (syale)	RM 3.90 / metrik tan (mt)
9.	Turf (rumput)	RM 2.30 / metrik tan (mt)
10.	Brick (clay/sand)	RM 2.30 / 1,000ketul
11.	Tile (Jubin)	RM 2.30 / 1,000 unit
12.	Cement (simen)	RM 2.60 / metrik tan (mt)
13.	Quarzite (kuarzit)	RM 2.60 / metrik tan (mt)
14.	Tanah Beban	RM 2.30 / metrik tan (mt)
15.	Sandstone (batu pasir)	RM 2.70 / metrik tan (mt)
16.	Granodiorite	RM 2.60 / metrik tan (mt)
17.	Diorite	RM 2.40 / metrik tan (mt)
18.	Andesite	RM 2.60 / metrik tan (mt)
19.	Microtonalite	RM 2.60 / metrik tan (mt)
20.	Rhyolite	RM 2.60 / metrik tan (mt)
21.	Basalt	RM 2.40 / metrik tan (mt)
22.	Dolorite	RM 2.40 / metrik tan (mt)
23.	Gabbro	RM 2.40 / metrik tan (mt)
24.	Gneiss	RM 2.40 / metrik tan (mt)
25.	Hornfels	RM 2.00 / metrik tan (mt)
26.	Peridotite	RM 2.30 / metrik tan (mt)
27.	Serpentine	RM 2.40 / metrik tan (mt)
28.	Any Rock / Stone (pelbagai batu)	RM 2.60 / metrik tan (mt)
29.	Kombinasi diantara bahan batuan di para 1-28 dalam kaedah ini dengan bahan batuan yang lain yang mana boleh menghasilkan sesuatu produk berlainan bolehlah dikira barang yang layak terpakai bagi setiap 1,000 unit / mt	RM 11.30 / metrik tan (mt)

Jadual 1 : Kadar Fi Royalti Eksport Bahan Batuan Negeri Selangor